

03 NOV 2003

VAJPAYEE UCAP TAHNIAH KEPADA ABULLAH ATAS PELANTIKAN SEBAGAI PM

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- India yakin membina hubungan "memandang ke depan" dengan Malaysia semasa pimpinan Perdana Menteri baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee melahirkan rasa keyakinan itu dalam perutusan tahniah beliau kepada Abdullah atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kedua-dua negara menikmati hubungan persahabatan dan kerjasama pelbagai aspek sejak beberapa tahun dalam bidang dua hala, rantau dan antarabangsa.

"Saya yakin bahawa semasa anda memimpin Malaysia, kita boleh membina satu hubungan kontemporari memandang ke depan di atas landasan yang kukuh ini," kata Vajpayee pada perutusan beliau.

Salinan perutusan itu difaks kepada Bernama oleh Suruhanjaya Tinggi India di sini hari ini.

Pada peralihan kuasa yang teratur, Abdullah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini Jumaat lepas.

-- BERNAMA

AZZ AZZ BK